

18 JAN 2000

Rafidah-Wanita

RAFIDAH TAWAR DIRI KERANA INGIN BETULKAN KEADAAN

KUALA KANGSAR, 18 Jan (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno perlu bebas daripada pelbagai masalah yang dihadapinya kini seperti insiden pecat-memecat beberapa pemimpinnya supaya segala usaha pengukuhan jentera parti dapat dilaksanakan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, keinginan untuk melihat pergerakan itu bebas daripada masalah sedemikian menyebabkan beliau menawarkan diri untuk jawatan Ketua Wanita Umno.

"Ia kerana banyak rasa tidak puas hati dan perbalahan dalam Wanita. Secara ringkas, semuanya tidak betul. Sebab itulah saya mahu kembali dan menawarkan perkhidmatan saya bagi mengembalikan Wanita ke tempat yang betul," kata beliau kepada pemberita selepas majlis Hari Raya di sini, hari ini.

Rafidah juga berkata yang perebutan bagi jawatan tertinggi wanita itu pada Mei ini tidak harus menyentuh perkara-perkara peribadi.

"Saya hanya menawarkan pilihan kepada ahli dalam usaha mereka untuk memilih pemimpin pergerakan itu dan jikalau gagal, ia tidak akan menjejaskan saya," katanya.

"Kalau mereka ingin cara lama kita, dengan kekuatan yang dipertingkatkan. Saya menawarkan diri. Kalau mereka ingin seperti sekarang, bergolak dan berkelahi, itu juga pilihan mereka," katanya.

Menurut beliau, insiden pemecatan pemimpin-pemimpin wanita merupakan yang pertama dalam sejarah pergerakan itu dan ia tidak pernah timbul sebelum ini kerana pemimpin sedar bahawa semua individu diperlukan oleh parti.

"Tidak perlu pecat-memecat kerana kita (Wanita Umno) kerja sebagai satu pasukan. Ada keistimewaan masing-masing dan semua ada tugas. Semua tugas ini digemblengkan untuk dijadikan urusan Wanita Umno ..."

Insiden pecat memecat itu merujuk kepada rombakan barisan pemimpin Wanita pada Ogos lepas yang menyebabkan ketua wanita Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur digugurkan dan juga beberapa lagi anggota barisan kepimpinan yang lain.

Bagaimanapun rombakan itu menerima bantahan dan ketua pergerakan Wanita Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman selepas dinasihatkan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membatalkan rombakan itu.

"Kita perlu kembali ke pangkal jalan," katanya selepas majlis itu yang turut dihadiri oleh ketua-ketua wanita bahagian dari Sabah, Kuala Lumpur, Perak dan beberapa negeri yang lain.

Rafidah berkata, anggota pergerakan perlu memfokuskan usaha mereka kepada perkara-perkara yang lebih penting bagi parti dan kerajaan seperti menghadapi cabaran pada pilihan raya umum akan datang dan lain-lain.

-- BERNAMA

MHI PR